



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 20 SEPTEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN MENINGKAT 450,000 TAN METRIK	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MENJELANG AKHIR TAHUN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -1	
3.	WHEREVER THERE IS RICE SHORTAGE, WE WILL SEND IT OVER, NATION, CHINA PRESS -A4	
4.	LOCAL RICE SUPPLY TO BE INCREASED BY 450,000 TONNES BY YEAR END, NATION, CHINA PRESS -A3	
5.	PENANG GETS 30,000kg OG LOCAL WHITE RICE THROUGH BPT INTERVENTION INITIATIVE, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4a	
6.	BERLAKU GANGGUAN BEKALAN BERAS TEMPATAN, NASIONAL, SH -13	
7.	CADANG KERAJAAN BERI SUBSIDI, APUNG HARGA BERAS, NASIONAL, SH -13	
8.	JUAL BERAS IMPORT PADA HARGA MURAH, NASIONAL, SH -12	
9.	JUALAN RAHMAH BERAS BERI KELEGAAN KEPADA RAKYAT, NASIONAL, SH -12	
10.	PENIAGA MASIH TUNGGU BEKALAN BERAS TEMPATAN, NASIONAL, SH -12	
11.	PEMBELIAN PANIK PUNCA KURANG TELUR, GULA DAN BERAS, NEGARA, KOSMO -16	
12.	JUALAN RAHMAH TAWAR BERAS IMPORT SEMURAH RM13 SEKAMPIT 5kg, MUKA DEPAN, BH -1	
13.	SYOR PENGUAT KUASA KPDN BANTU TANGANI ISU BERAS, NASIONAL, BH -7	
14.	JUALAN RAHMAH KE 222 KAWASAN PARLIMEN, NASIONAL, BH -7	
15.	PENIAGA MAKANAN DAKWA PELANGGAN BERKURANGAN, NASIONAL, BH -7	
16.	NEGARA UNTUNG, RAKYAT MERANA, LUAR NEGARA, UM -37	
17.	SUKAR DAPAT BERAS TEMPATAN, TERPAKSA BELI IMPORT, DALAM NEGERI, UM -31	
18.	ISU BEKALAN BERAS PUTIH DISELESAIKAN, DALAM NEGERI, UM -12	
19.	PERIKSA KILANG PENGELUARAN BERAS, DALAM NEGERI, UM -12	
20.	PENGUNA MENGELUH TERPAKSA BELI BERAS 'KAYANGAN', MUKA DEPAN, KOSMO -1	
21.	90% RAKYAT KELANTAN MAKAN BERAS SIAM SELUDUP, DALAM NEGERI, UM -1 & 3	
22.	'PERGI 5 KEDAI BELUM TENTU ADA STOK', NEGARA, KOSMO -3	
23.	HARGA BERAS 5kg SERENDAH RM13 MENERUSI JUALAN RAHMAH, NEGARA, KOSMO -3	
24.	BERAS IMPORT RM1 HINGGA RM14 SETIAP KAMPIT 5kg, LOKAL, HM -6	
25.	MAFS HANTAR 80 TAN METRIK BERAS PUTIH TEMPATAN KE JOHOR, LOKAL, HM -6	
26.	'PERLU WUJUDKAN SEMULA SKIM BERAS SUBSIDI KEPADA GOLONGAN SASAR, LOKAL, HM -6	
27.	RUNGKAI SEMULA DASAR PADI, BERAS ELAK MASALAH BERULANG, MUKA SEPULUH, BH -10	
28.	JOHOR RECEIVES EXTRA SUPPLIES OF LOCAL WHITE RICE, NATION, THE STAR -6	
28	SEMBILAN EKOR LEMBU KERBAU MATI DISYAKI DIRACUN, NEGERI SEMBILAN, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
29.	KUTU AIR HIGENIK HASILKAN BENIH IKAN BERKUALITI, DALAM NEGERI, UM -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
30.	PROMOTING FRESHWATER FISH, NEWS, THE STAR -5	
31.	MADA SASAR CAPAI PENGELUARAN 274,000 TAN BERAS, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
32.	PROMISING START TO PADI PILOT PROJECT, NATION, THE STAR -6	
33.	ZAKAT FITRAH TERENGGANU MUNGKIN NAIK TAHUN DEPAN, NEGARA, KOSMO -3	LAIN-LAIN
34.	VEGETABLE PRICES SET TO SOAR DURING MANSOON SEASON, NATION, THE STAR -6	
35.	RAHMAH DISCOUNTS FOR IMPORTED RICE, NEWS, NST -6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Bekalan beras putih tempatan meningkat 450,000 tan metrik menjelang akhir tahun		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	20 Sep 2023	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	217 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 461
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,383



Bekalan beras putih tempatan meningkat 450,000 tan metrik menjelang akhir tahun

KUALA LUMPUR: Bekalan beras putih tempatan dijangka meningkat sebanyak 450,000 tan metrik menjelang akhir tahun ini, menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, berkata sasaran itu susulan musim penuaian di negeri Kedah yang akan meningkatkan pengeluaran dan penghasilan beras putih tempatan.

Selain itu, katanya, kementerian itu juga telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan, antaranya, sawah berskala besar dan turut memperkenalkan empat langkah intervensi mengawal selia bekalan beras dan padi di negara ini.

Menurutnya, antara empat langkah itu ialah mengadakan rundingan bersama 157 kilang komersial dengan menyerahkan 20 peratus pengeluaran padi kepada kerajaan supaya dapat diurus dan diedarkan oleh kerajaan.

"Cara pengedaran kita gunakan syarikat pemborong besar, kita buat padanan dengan hypermarket (pasar raya besar) dan kita telah membuat sesi libat urus dengan hypermarket untuk menentukan harga berapa mereka boleh jual.

"Bagi di luar hypermarket, kami melantik 103 pemborong untuk mereka menggunakan jenama sendiri dan mengedarkan di kawasan berdekatan seperti di luar bandar dan sebagainya," katanya semasa menjadi tetamu dalam program Reaksi Berta-

juk "Status Semasa Beras Negara" terbitan Bernama Radio, pada Selasa.

Azman berkata KPKM juga menggunakan platform agensinya seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang mempunyai 1,400 cawangan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dengan lebih kurang 35 cawangan seluruh negara untuk mengedar beras tempatan kepada rakyat.

"Kita juga mengadakan sesi libat urus dengan persatuan peniaga kerana kebanyakan mereka memborong beras tempatan kerana kos rendah.

"Jadi kita beri pilihan mungkin boleh guna beras import dengan menawarkan harga yang berpatutan bagi beras putih import supaya mereka tidak bersaing dengan rakyat

untuk membeli beras tempatan dan kebanyakan mereka bersetuju," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata pihaknya juga melancarkan Operasi Beras Putih Tempatan (OP PBT) untuk mengawal beras di peringkat runcit dan borong, selain bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDNHEP) berhubung perkara itu.

Semalam, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohammad Sabu, berkata stok bekalan beras negara mencukupi untuk menampung keperluan domestik bagi tempoh empat hingga lima bulan ini dan belum ada keperluan kecemasan untuk menggunakan stok penimbal. - Bernama

Headline	Wherever there is rice shortage, we will send it over		
MediaTitle	China Press		
Date	20 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	107 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,111
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,333



安華霸氣阻朝野爭執 “哪缺白米立刻送去”

（吉隆坡19日讯）朝野议员今日因本地白米供应课题，在国会下议院议会厅内争论不休，以致最后首相兼财政部长拿督斯里安华也声称，反对党若知道哪里的本地白米供应出问题，可以告诉他，他保证白米立即送到。

土团党乌鲁登嘉楼国会议员拿督罗索华希今午在国会下议院，当安华为第12大马计划中期检讨报告辩论进行部门总结时打岔。

他说，团结政府说白米供应充足根本是在误导人民，部长们根本没有走入民间，一些城乡地区直到现在都买不到本地白米。

但是，罗索华希的言论引起

团结政府议员不满。

农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布随即起立打岔，怒呛罗索华希说谎，本地白米确实供应充足，反对党不要误导人民。

“你（罗索华希）说谎！告诉我哪里缺本地白米？哪条路和哪间商店缺白米？告诉我，我立刻指示大马联邦农业销售局（FAMA）送白米过去。”

安华随后也说，反对党若知道哪个地方白米供应出问题，可以立即告诉他，他保证白米立即送到。

莫哈末沙布昨日在国会为部门总结时说，我国如今的白米库存达90万公吨，可以足够应付国家4至5个月的需求。

Headline	Local rice supply to be increased by 450,000 tonnes by year end		
MediaTitle	China Press		
Date	20 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	103 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,095



本地白米供應量 年底增加45萬噸

（吉隆坡19日讯）农业和食品全部稻米与白米监管总监阿兹曼马末指出，本地白米供应量预计今年底将增加45万吨。

他说，预计吉打州稻米年底将迎来收获季节，这增加本地白米产量。

阿兹曼说，农业和食品全部也通过几项举措，增加本地稻米产量，包括推行大规模稻田耕种，监督国内稻米和白米供应。

他说，该部与157家私人米较厂谈判，将其20%白米产量交给政府分配。

“我们通过大型批发商供



■阿兹曼马末

应（白米）至霸级市场，同时与霸级市场会谈，以制定白米售价。”

“我们也指定103家批发商，使用自己的品牌供应白米至乡区。”

阿兹曼今日接受“马新社电台”访问时说，农业部也利用其代理商平台，例如农民组织管理局（LPP）在全国1400个分行，以及联邦农业销售局（FAMA）在全国35个分行，分配白米供应。

Headline	Penang gets 30,000kg of local white rice through BPT intervention initiative		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	20 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	91 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,020
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,061



法米再诺。

槟获分配 3 万公斤本地白米 为首个分配措施获白米州属

（槟城 19 日讯）槟州获分配 3 万公斤本地白米（BPT），为首个在政府干预分配措施下获得本地白米分配的州属。

《马新社》周二报导，槟州农业技术与粮食安全及合作社发展委员会主席法米再诺说，即日起上述每袋 10 公斤的本地白米，将通过州内的槟州农业销售局（FAMA）销售中心，以所制定的价格出售。

“这些本地白米将分阶段发派到槟州，以解决市场和白米供应不足的问题，确保槟州人民获得比价格较高的进口白米更便宜的本地白米。”

恢复。

法米希望此措施可以至少帮助人民获得白米，他促请公众不要恐慌抢购，以免市场无法购买到白米。

他说，槟州将要求农业及粮食安全部，给予州政府自主权，以控制稻米和稻种的生产，确保槟州的供应始终充足。

“从长远来看，州政府申请水稻种子的生产配额，以便在州内建立水稻种子库，这样可以间接避免垄断，并确保水稻种子可以直接分配给稻农。”

他说，目前槟州有 5262 名稻农，耕种面积达 1 万 2105 公顷，去年稻米产量为 12 万 2321 公吨。#

“在此措施下，每人最多只能购买两袋即 20 公斤本地白米，商家则是 10 袋（100 公斤）。 ”

此前，农业和食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，在政府立即实施干预措施后，预计全国的本地白米供应将在 1 个月内

KPDN akan bantu dan
perkasakan pemantauan
terhadap isu beras

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
GOMBAK

Berlaku gangguan bekalan beras tempatan

Gangguan bekalan beras tempatan didapati berlaku di dua lokasi pemantauan iaitu Pasar Raya Sri Ternak dan Pasar Raya NSK Selayang, kata pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali.

Menurutnya, kedua-dua pemilik premis mengakui masalah tersebut bermula sejak Ogos lalu dan bertambah serius pada September.

"Saya difahamkan, barangan keperluan asas lain seperti gula, minyak masak dan tepung gandum mempunyai bekalan yang mencukupi untuk orang ramai.

"Selain beras, hanya telur gred A yang dilihat menghadapi gangguan bekalan dan yang lain masih mencukupi serta terkawal.

"Saya akui, hasil pemantauan ini mendapati berlaku sedikit gangguan bekalan. Justeru, KPDN perlu membantu dan memperkasakan penguatkuasaan demi kepentingan masyarakat," katanya semasa sidang akhbar selepas melakukan pemantauan harga barangan keperluan asas di Selayang, di sini pada Selasa.

Jelas Armizan, kenaikan harga beras putih import meningkat 36 peratus iaitu sebanyak RM850 satu tan metrik atau

85 sen sekilogram di seluruh negara susulan penyalajaran harga yang dibuat oleh Padiberas Nasional Bhd (Bernas), menyebabkan pengguna kini lebih cenderung membeli beras putih tempatan yang dijual pada harga kawalan iaitu sekitar RM2.60 sekilogram atau RM26 sekampit.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan melancarkan Jualan Rahmah Beras pada Selasa bertujuan untuk meringankan beban rakyat yang tidak berkemampuan dan terkesan dengan kenaikan harga beras di pasaran ketika ini.

Ujarnya, antara kekangan yang dihadapi adalah pemantauan terhadap rantaian bekalan peringkat runcit dan bukan pada peringkat pengilang serta pemborong.

"Disebabkan itu, seruan untuk melakukan penguatkuasaan ini giat dilakukan. Kami akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang mempunyai punca kuasa dan agensi seperti bahagian kawal selia beras dan padi.

"Esok (Rabu) saya akan mengengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan pada lusa (Khamis) Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pula



Armizan (depan, tengah) membuat pemantauan harga barangan keperluan asas di dua pasar raya di Selayang pada Selasa.

akan mengetuainya di peringkat jawatankuasa pemantauan.

"Antara isu yang akan dibawa adalah mengenal hasrat KPDN untuk meneliti kesesuaian dan keperluan bersama dengan KPKM agar dapat memberikan punca kuasa di bawah sub-sekseyen Akta Kawal Selia Padi Beras," jelasnya.

Cadang kerajaan beri subsidi, apung harga beras

MELAKA - Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (BARIM) Zon Selatan mencadangkan kerajaan melaksanakan pengapungan harga beras tempatan atau memberikan subsidi RM600 bagi setiap metrik tan kepada pemborong selama setahun.

Pengerusinya, Khalil Ahmad berkata, cadangan itu dilihat relevan bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan makanan rui itu di seluruh negara dalam tempoh kronik ini.

Menurutnya, cadangan mengapungkan harga beras sehingga RM29 bagi beras 10 kilogram (kg) kerana telah berpuh tahun harga makanan asas itu kekal dengan kadar RM26 dan tidak pernah berlaku sebarang kenaikan.

Ujarnya, dalam tempoh itu juga pemborong dan peruncit hanya memperoleh margin keuntungan rendah sekitar 50 sen hingga 80 sen bagi sekampit beras tempatan 10kg sedangkan mereka terbeban dengan kos operasi yang meningkat.

"Dalam keadaan kritikal ini, kerajaan boleh membantu sama ada apungkan harga atau berikan subsidi dalam tempoh masa mungkin setahun.

"Dengan cadangan subsidi itu mungkin pengilang boleh mengeluarkan beras dan kita juga akan bersedia mengeluarkan beras-beras untuk diagihkan kepada peruncit sekali gus pengguna dapat membeli beras," katanya kepada pemberita ketika



Khalil ketika ditemui di syarikat pemborong beras di Malim, Melaka pada Selasa.

ditemui di Malim pada Selasa.

Sementara itu di **KEDAH**, Ahli Parlimen Jerlun, Dr Abd Ghani Ahmad menyarankan agar syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) terlibat dalam rantaian pengedaran beras tempatan bagi mengelak industri padi dimonopoli kartel.

Ujarnya, langkah itu dapat memperkasakan sektor terabit memandangkan kedua-dua agensi kerajaan itu mempunyai dana kewangan yang besar.

"Selain dapat mengawal ketirisan, ia bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi serta mengelak kartel terus berleluasa," katanya.

Di **PULAU PINANG** pula, sebanyak 30,000kg beras akan dipasarkan di semua pusat Jualan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negeri tersebut.

Exco Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan, Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, penjualan kesemua beras itu dibuat menerusi program Intervensi Pengedaran Beras Putih Tempatan (BPT).

"Sebanyak 3,000 kampakit beras iaitu berjumlah 30,000kg akan dijual di seluruh negeri dengan harga kawalan yang telah ditetapkan kerajaan," katanya.

Di **JOHOR**, Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) dan FAMA membekalkan sebanyak 80 tan beras tempatan tambahan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, langkah intervensi beras itu disampaikan secara berperingkat bermula Isnin hingga akhir minggu ini.

Ujarnya, bekalan beras itu diedarkan melalui empat pusat pengumpulan iaitu di Johor Bahru, Simpang Renggam, Batu Pahat dan Tangkak.

Jual beras import pada harga murah

KPDN lancar Jualan
Rahmah Beras
secara bergerak

Oleh IZWAN ROZLIN
KUALA LUMPUR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tampil dengan idea untuk menjual beras import pada harga yang sama seperti beras tempatan.

Timbalan Menteri, Fuziah Salleh berkata, harga beras sekamipit dengan berat lima kilogram adalah sekitar RM13 hingga RM14.

"Jadi pihak kami akan cuba untuk jual dengan harga seperti itu juga. Kalau RM13, sama macam harga beras tempatan, tetapi kita jual beras import untuk Jualan Rahmah Beras ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan seminar *Today's Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward*

di sini pada Selasa.

Fuziah menjelaskan, Jualan Rahmah Beras itu akan diadakan secara bergerak di kawasan Parlimen seluruh negara.

Ujar beliau lagi, KPDN juga akan memastikan hanya pengguna yang selayaknya akan dapat membeli beras berkenaan.

Sebagai contoh, katanya, melalui Jualan Rahmah Bergerak, ia didasarkan ke kawasan B40, perumahan kos



FUZIAH

rendah, di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan sebagainya.

"Mekanisme itu bergerak ke kawasan penempatan disasarkan, mungkin ini satu cara untuk pihak KPDN sampai kepada golongan yang memerlukan sebab golongan yang amat terkesan adalah golongan yang saya sebutkan ini.

"Namun untuk golongan petani, pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan (KPKM) mengatakan mereka akan mengambil tanggungjawab itu," jelasnya.

Ujarnya, KPDN menggunakan peruntukan Jualan Rahmah sebanyak RM150 juta yang diberikan kerajaan sebelum ini bagi menayakan inisiatif tersebut yang bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Disebabkan pihak kami tidak mempunyai akses kepada beras tempatan, jadi diskaun harga hanya diberi untuk beras import.

"Diskaun itu adalah subsidi daripada kerajaan melalui peruntukan tersebut," ujar beliau.

Jualan Rahmah Beras beri kelegaan kepada rakyat

KOTA BHARU - Program Jualan Rahmah Beras yang menawarkan penjualan beras import pada harga lebih murah dilihat mampu menyediakan alternatif kepada pengguna bagi mengurangkan kebergantungan kepada beras tempatan.

Penghulu Kampung Limbat, Pasir Tumbuh, Bukhari Daud, 67, berkata, langkah menyenaraikan beras import dalam Jualan Rahmah memberi peluang kepada rakyat menikmati beras import pada harga yang lebih murah.

"Rakyat Kelantan memang agak sinonim dengan penggunaan beras import dari Thailand. Penjualan beras import pada harga yang lebih murah ini sedikit sebanyak akan memberi kelegaan kepada rakyat sekali gus menunjukkan kerajaan cuba mencari jalan menangani permasalahan rakyat.

"Kita harap program ini boleh diteruskan dalam tempoh yang lebih lama hingga bekalan beras tempatan dapat dipulihkan," katanya ketika ditemui *Berita* di sini,

pada Selasa.

Seorang pengguna, Norhazirah Ismail, 35, berkata, bekalan beras tempatan yang agak sukar diperoleh ketika ini sedikit sebanyak memberi tekanan kepada rakyat.

"Sekiranya beras tempatan gagal didapati, pengguna terpaksa juga membeli beras import walaupun harganya agak mahal demi memenuhi keperluan keluarga.

"Dengan tawaran harga beras import yang lebih murah melalui Jualan Rahmah ini akan memberi sedikit kelegaan kepada golongan B40 seperti kami," katanya yang menetap di Kampung Gong Dermis, di sini.

Tambahnya, Jualan Rahmah Beras yang dilaksanakan bermula Selasa juga menunjukkan kerajaan peka dengan keadaan semasa rakyat.

"Cumanya saya harap selain program ini, kerajaan perlu segera mencari jalan tangani masalah kekurangan beras tempatan kerana rakyat berdepan pelbagai peningkatan kos sara hidup yang lain," ujarnya.



Program Jualan Rahmah Beras yang menawarkan penjualan beras import pada harga lebih murah mampu meringankan beban rakyat.

Peniaga masih tunggu bekalan beras tempatan

MELAKA - Peniaga sekitar Bachang termasuk di Pasar Awam Bachang, di sini masih menunggu bekalan beras putih tempatan sejak lebih sebulan lalu.

Peniaga runcit, Sultan Awaluddin HP Jamal Mohd, 53, mengakui kali terakhir mendapat bekalan beras tempatan ialah pada Julai lepas sebanyak 15 pek.

Menurutnya, disebabkan terputus bekalan beras tempatan, dia hanya menjual beras import.

"Masalah sekarang ialah beras import naik harga daripada RM26 untuk 10 kilogram (kg), dan harganya naik RM2 setiap minggu dan kini mencecah harga RM36, sedangkan kami hanya untung RM1," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Selasa.

Tambah Sultan Awaluddin, sejak berniaga runcit lebih 15 tahun lalu, dia tidak pernah berdepan masalah kekurangan beras tempatan seperti yang dialami di kebanyakan tempat sekarang ini.

Situasi sama turut diakui seorang lagi peruncit, Mohd Nazri Mohd Noor, 45, yang sudah lebih empat bulan tidak mendapat bekalan beras tempatan.

Katanya, pengguna yang kurang bernaib baik seperti golongan B40 tiada pilihan dan terpaksa juga membeli beras import dengan harga mahal.

"Kita yang jual beras ini untung tidak seberapa, tetapi lebih kasihan bagi keluarga susah kerana harga beras import selang beberapa



Mohd Nazri (kanan) sedang melayan pelanggan yang mahu membeli beras di kedai runcitnya di Pasar Awam Bachang pada Selasa.

minggu akan naik.

"Saya harap pihak berkenaan cari solusi jangka masa panjang, dan jelaskan pada rakyat tentang isu beras ini agar pengguna lebih memahami dan segera

tambahkan stok beras tempatan kepada peniaga kecil seperti kami," ujarnya.

Sementara itu, ibu tunggal yang bekerja sebagai pengawal keselamatan, Zamrah Halil, 38, berkata, disebabkan sukar mendapat beras tempatan dia terpaksa membeli beras timbang.

"Bukan sahaja beras,



SULTAN AWALUDDIN



ZAMRAH

barangan lain seperti cili dan bawang juga naik harga. Bagi golongan seperti saya yang kurang berkemampuan ini memang terasa kesannya.

"Mahu tak mahu saya perlu catu makanan dan membeli yang perlu sahaja supaya saya dapat sediakan nasi setiap hari untuk anak-anak," katanya yang menyewa di Durian Daun.

Pembelian panik punca kurang telur, gula dan beras



CHON SIANG (kanan) bersama pegawai KPDN ketika melakukan tinjauan barangan keperluan asas di sebuah pasar raya di Kuantan semalam.

KUANTAN – Pembelian panik peniaga kedai makan atau restoran menjadi punca utama kepada kekurangan bekalan barangan asas seperti telur, gula, minyak masak dan beras di pasaran.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia Pahang, Sim Chon Siang berkata, punca terbabit dikenali pasti berdasarkan laporan yang diterimanya dari pihak pasaraya seluruh negeri ini yang membekalkan barangan terbabit.

Katanya, peniaga membuat pembelian panik berikutan kebimbangan mereka sekiranya kesemua barangan asas terbabit terputus bekalan.

"Hari ini kita ada membuat tinjauan di 11 pasar raya di

Kuantan dan kita dapati semua aduan pengguna berkaitan barangan seperti gula yang berharga RM2.80, telur dalam sarang, minyak masak pekret dan beras tempatan memang kekurangan dan kita akur.

"Ada beberapa sebab berdasarkan apa yang diberitahu pihak pasar raya kepada saya dan sebab pertamanya adalah kerana peniaga berebut-rebut membeli barangan tersebut.

"Sebaik sahaja stok mereka berkurangan, mereka membuat pembelian panik dan membeli secara banyak untuk disimpan di rumah mereka," katanya dalam sidang akhbar ketika melaksanakan tinjauan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di

Pasaraya TMG Batu 3, di sini. Tambahnya, kekurangan bekalan juga disebabkan peniaga makanan membeli barangan yang sepatutnya dikhususkan untuk golongan B40 seperti minyak masak pekret.

Sementara itu Chon Siang berkata, beliau akan membawa isu kekurangan bekalan barangan terbabit ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri.

"Oleh itu, rakyat khususnya peniaga dinasihatkan agar tidak panik dan membuat pembelian mengikut keperluan bagi memastikan bekalan mencukupi.

"Jika berdepan masalah bekalan, boleh menghubungi pejabat KPDN Pahang untuk memastikan tidak berlaku terputus bekalan di kawasan mereka," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	BUKA SURAT
20/9/2023	BERITA HARIAN	BUKA DEPAN	1

Jualan Rahmah tawar beras import semurah RM13 sekampit 5kg

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Jualan Rahmah Beras yang bermula semalam, menawarkan beras import pada harga lebih murah berbanding kadar pasaran dengan sasaran agihan kepada golongan yang memerlukan.

Timbalan Menteri Perdagangan

ngan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh, berkata berikutan bekalan beras putih tempatan (BPT) yang terganggu ketika ini, KPDN memutuskan subsidi di diberi ke atas beras import, dengan harga jualannya pada sekitar RM13 hingga RM14 bagi setiap kampak lima kilogram.

Syor penguat kuasa KPDN bantu tangani isu beras

Tindakan bersama KPKM atasi masalah bekalan meruncing

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Gombak: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mencadangkan kuasa penguatkuasaan dalam hal berkaitan beras, turut diperluas kepada penguat kuasa KPDN bagi membantu usaha menangani isu bekalan yang semakin meruncing ketika ini.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata perkara berkaitan *extension of authority* (perluasan penguatkuasaan) itu akan dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) yang dipengerusikan beliau hari ini.

"Kita berharap Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dapat mempertimbangkan supaya penguat kuasa KPDN diberikan *extension of authority* mengikut Sub Seksyen 6(1) Akta Kawalselia Padi dan Beras (AKA 522).

"Antara isu yang akan dibawa dan dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat jawatankuasa eksekutif esok ialah pertimbangan hasrat kita di KPDN supaya dapat diberikan *extension of authority*.



Armizan (dua dari kanan) meninjau barang keperluan asas di Pasar Raya Sri Ternak di Selayang, semalam. (Foto Ahmad Ukasyah/BH)

"Ini bukan *delegation* (perwakilan), tetapi *extension of authority*. Ia boleh dipertimbangkan secara terhad bagi tempoh masa tertentu untuk aspek penguatkuasaan itu ditingkatkan demi kepentingan bersama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melakukan Program Pemantauan Harga Barangan Keperluan Asas di Pasar Raya Sri Ternak dan Pasar Raya NSK Selayang di sini semalam.

Armizan berkata, ketika ini KPKM mempunyai seramai 190 penguat kuasa, manakala KPDN mempunyai 2,200 penguat kuasa.

"Aspek penguatkuasaan isu beras perlu dilakukan terhadap se-

mua premis di seluruh negara dan sekiranya Ops Jamin melakukan pemantauan, kita perlu bergerak bersama pegawai KPKM, tetapi jumlah penguat kuasa mereka agak terhad.

"KPDN melihat (mengguna kuasa mengikut) Akta Perihal Dagingan, melihat pembungkusan barangan, tetapi tidak boleh campur tangan aspek penentuan harga dan bekalan," katanya.

Demi kepentingan rakyat

Katanya, KPDN sedia membantu dan memberi kerjasama rapat kepada KPKM demi kepentingan masyarakat.

"Perluasan kuasa membole-

kan kita (penguat kuasa KPDN) bukan sekadar melihat memantau dan menyalurkan maklumat, tetapi boleh terus mengambil tindakan penguatkuasaan.

"(Ketika ini) Kita boleh menyalurkan maklumat dan tidak boleh ambil tindakan serta-merta, tetapi jangka tempoh penyaluran maklumat serta tindakan mengambil masa, mungkin pihak berkenaan boleh menutup kesalahannya itu," katanya.

Beliau berkata, sekiranya KPKM berasa sesuai dan dapat dipertimbangkan, maka kedua-dua pihak dapat memperkasakan penguatkuasaan bekalan beras di seluruh negara.

Peniaga makanan dakwa pelanggan berkurangan

Johor Bahru: Pengusaha dan peniaga makanan, terutama nasi campur sekitar bandar raya ini, merokodkan penurunan pelanggan lebih 20 peratus berikutan kenaikan harga makanan susulan peningkatan harga bahan mentah, kebelakangan ini.

Aktis Persatuan Peniaga, Peniaga dan Pengusaha Industri Kecil Melayu Johor Bahru, Mohammad Salehan Mohd Salleh, berkata penurunan pelanggan itu menyebabkan lebih 60 peratus pengusaha makanan semakin terjejas, sekali gus menyebabkan kerugian.

"Peniaga makanan mengeluh mereka kini berhadapan kekurangan pelanggan yang drastik susulan harga makanan yang dinaikkan antara 10 hingga 20 peratus sejak bulan lalu.

"Walaupun kenaikan harga makanan tidak dapat dielakkan susulan kenaikan mendadak harga bahan mentah, kenaikan harga makanan dilakukan secara berperingkat supaya pelanggan tidak terkejut.

"Namun, pengusaha makanan kini menanggung kesan apabila pelanggan semakin berkurangan di sebalik kenaikan kos operasi mendadak disebabkan bahan mentah yang lebih mahal," katanya.

Bincang naikkan harga

Dalam pada itu, Setiausaha Persatuan Usahawan India Muslim Negeri Johor, Hussien Ibrahim, berkata keputusan menaikkan harga makanan mamak di seluruh negara akan diputuskan pada Mesyuarat Agung Persatuan Restoran Muslim Malaysia pada Khamis ini.

Katanya, mesyuarat agung berkenaan akan diadakan di Kuala Lumpur dengan isu utama perbincangan adalah kenaikan harga bahan mentah di samping usul kenaikan harga makanan di kedai mamak seluruh negara.

"Buat masa ini restoran mamak di Johor dan seluruh negara belum menaikkan harga makanan kerana perkara ini akan dibahaskan pada mesyuarat agung Khamis ini," katanya.

Sementara itu, pengusaha makanan yang hanya mahu dikenali sebagai Sameer, berkata kenaikan harga makanan tidak dapat dielakkan berikutan harga bahan mentah yang semakin tinggi dengan gula juga dijangka dinaikkan harga hujung bulan ini.

Katanya, beliau sudah mendapat notis awal daripada pembekal bahawa pek gula 50 kilogram (kg) dijangka meningkat sebanyak 20 peratus atau lebih pada hujung bulan ini.

Jualan Rahmah ke 222 kawasan Parlimen

Dari Muka /

"Diskaun subsidi ini, kita akan pastikan ia tidak lebih daripada yang kita mampu berikan. Contohnya, dalam Jualan Rahmah bergerak, beras tempatan lima kilogram dijual pada RM13 hingga RM14, jadi kita akan sedaya upaya untuk jual (beras import) pada harga sekitar itu.

"Maknanya, kalau RM13 itu untuk harga beras tempatan, tapi yang Jualan Rahmah Beras ini kita jual beras import," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar *Today's Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward* di sini semalam.

Fuziah berkata, pihaknya menasaskan pelaksanaan jualan itu diperluas kepada 222 kawasan

Parlimen, disamping menggalakkan Ahli Parlimen dan pemimpin setempat mengambil bahagian mengurus dan merancang program seumpama itu untuk pengundi kawasan masing-masing.

"Maksudnya, kita hasratkan di setiap kawasan Parlimen akan ada program jualan ini. Sebelum ini, ada Ahli Parlimen datang jumpa saya, menyatakan mahu mengguna peruntukan mereka untuk menambah kepada subsidi yang ditawarkan dalam bentuk beras kepada pengundi di kawasan mereka," katanya.

Katanya, KPDN mengguna peruntukan Jualan Rahmah RM150 juta yang disediakan kerajaan sebelum ini, bagi menjayakan inisiatif yang bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Mula-mula kita ada RM100 ju-

ta, tapi Perdana Menteri tambah lagi RM50 juta. Disebabkan tak ada akses kepada beras tempatan, jadi kita akan beri diskaun harga kepada beras import. Kita akan beri diskaun iaitu subsidi dari kerajaan yang diperoleh dari peruntukan tadi," katanya.

Fokus lokasi B40, PPR

Beliau berkata, Jualan Rahmah Beras itu turut menyasar penempatan B40, kawasan rumah kos rendah, khususnya di Projek Perumahan Rakyat (PPR).

"Ini antara mekanisme untuk kita sampai kepada golongan yang amat terkesan dan memerlukan. Satu lagi golongan adalah peniaga, tapi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sudah maklum akan ambil tanggungjawab untuk beri dan menyalurkan sebahagian (stok)

beras untuk kategori peniaga.

"Jadi kami akan fokus kepada kategori pengguna yang paling terkesan. Itu akan dibincang dengan lebih terperinci kaedah terbaiknya. Program (jualan) pertama akan kami uar-urakan juga nanti," katanya.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, menegaskan kekurangan beras putih tempatan dalam pasaran ketika ini adalah disebabkan berlakunya pembelian panik.

Beliau berkata, sebelum ini beras tempatan tidak dipedulikan, termasuk dalam kalangan peniaga sendiri, namun permintaan bertambah berikutan harga beras import yang meningkat, memaksa pengguna beralih kepada beras tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	LUAR NEGARA	37

HARGA beras di Thailand naik mendadak sehingga merunsingkan penduduknya, namun pada masa sama meningkatkan ekonomi negara tersebut. - AFP

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 20 SEPTEMBER 2023

37

Luar Negara



Kenaikan harga beras global beri kesan positif dan negatif kepada Thailand

Negara untung, rakyat merana

BANGKOK: Penjual makanan, Ladda Prachada, 63, menutup gerai makannya yang terletak di Thonglor di Bangkok sejak minggu lalu ekoran kenaikan harga bahan mentah, terutamanya beras.

Seguni beras jasmijn seberat 48 kilogram biasanya dijual pada harga AS\$31 (RM145.50), kini harga beras itu meningkat menjadi AS\$40 (RM188) bagi berat yang sama.

Apabila tidak berniaga, Ladda tidak memperoleh keuntungan, selain kenaikan harga barang, termasuk perlu membayar sewa tapak gerai dan pembantu, wanita itu tidak mempunyai pilihan selain menutup perniagaannya.

"Harga beras naik sangat mendadak dan mahal. Saya tidak dapat untung jika saya teruskan meniaga."

"Disebabkan itu, saya sering tutup gerai kerana saya sudah putus asa," katanya.

Ladda merupakan seorang daripada peniaga dan juga pengguna biasa di Thailand yang terkesan dengan kenaikan harga beras dan kekurangan stok dalam pasaran.

Kedadaan itu berlaku selepas India melarang eksport bekalan



Harga beras naik sangat mendadak dan mahal. Saya tidak dapat untung jika saya teruskan meniaga."

LADDA PRACHADA

beras pada Julai lalu bagi memulihkan kadar inflasi di negara itu.

PELUANG THAILAND, VIETNAM

Sebagai antara pengeluar beras dan pengeksport utama di Asia Tenggara, Thailand dan Vietnam boleh menggunakan peluang yang ada untuk meraih lebih banyak keuntungan.

Harga beras putih keluaran kedua-dua negara itu meningkat lebih 20 peratus.

Namun, pakar pasaran berpendapat, pengguna di kedua-dua negara itu terpaksa me-

anggung beban kenaikan harga barang dan berdepan tempoh tidak stabil apabila perubahan iklim menjejaskan pengeluaran dan bekalan makanan di Asia Tenggara.

Pada minggu lalu, Perdana Menteri Srettha Thavisin menyeru semua pihak menyokong kajian dan pembangunan dalam sektor agrikultur bagi meningkatkan jumlah pengeluaran tahunan.

DAPAT FAEDAH

India merupakan pengeksport beras terbesar dunia, diikuti Thailand dan Vietnam.

Ketiga-tiga negara itu membekalkan sebanyak 22 juta tan beras kepada seluruh dunia pada tahun lalu, sekali gus menjadi 40 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport beras.

Pada tahun ini, inflasi makanan berlaku di India sehingga memaksa negara itu menghentikan eksport beras putih bukan basmati.

Keputusan itu secara tidak langsung menyebabkan harga beras global mencanak naik, paling tinggi dalam tempoh 15 tahun.

"Langkah India itu memberi-

kan peluang dan faedah kepada pengeluar beras Thailand serta Vietnam untuk memenuhi keperluan beras global.

"Boleh dikatakan Thailand dan Vietnam merupakan pemenang utama dalam perlumbaan ini," kata Deepak S Moorthy, pakar sistem pemakanan McKinsey & Company.

Harga satu tan beras putih berkualiti tinggi dari Thailand naik dari AS\$520 (RM2,441) pada pertengahan Julai sehingga AS\$637 (RM2,990) menjelang akhir bulan Ogos.

Trend yang sama berlaku di Vietnam, menyaksikan harga berasnya meningkat secara signifikan.

Selain itu, kedua-dua negara merekodkan peningkatan eksport beras dalam tempoh lapan bulan pertama berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu.

Thailand mencatatkan peningkatan sebanyak 12 peratus, manakala Vietnam pula 20 peratus.

Indonesia menjadi pembeli terbesar beras dari Thailand, manakala Filipina pula mendapatkan bekalan berasnya dari Vietnam.

SEKAT BERAS

Kekurangan stok global semakin meruncing apabila Myanmar pada bulan lalu mengumumkan ia juga akan menghadkan eksport berasnya sehingga pertengahan Oktober bagi mengawal harga domestik.

Kedadaan itu menyebabkan pembekal beras di negara-negara Asia Tenggara menyekat penjualan beras bagi menunggu kata akhir dari India mengenai proses eksport berasnya.

PERUBAHAN IKLIM

Ketika banyak pengusaha beras cuba mengambil kesempatan daripada kenaikan harga beras global, India sendiri berdepan dengan bekalan makanan yang terhad.

Fenomena El Nino menyebabkan pengeluaran beras di negara itu terjejas teruk dan jika tiada langkah segera diambil, pengeluarananya dijangka menurun sehingga 20 peratus pada 2050 dan 47 peratus pada 2080.

Organisasi Meteorologi Dunia (WMO) menyatakan El Nino kebiasaannya berlangsung antara sembilan hingga 12 bulan dan kesannya lama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	BUKA SURAT
20/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Sukar dapat beras tempatan, terpaksa beli import

JOHOR BAHRU: Bekalan beras tempatan semakin sukar diperoleh dalam pasaran sehingga menyebabkan pengguna tiada pilihan dan terpaksa membeli beras import yang dijual pada harga lebih mahal.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa premis di bandar raya ini bukan sahaja semakin sukar diperoleh, malah dijual dalam jumlah terhad.

Seorang pengguna, Abdul Latif Juhari, 39, mengakui terpaksa membeli beras import kerana lebih banyak pilihan berbanding beras tempatan.

“Memang susah hendak dapatkan beras tempatan sekarang, kadangkala terpaksa pergi ke beberapa kedai berlainan baharu jumpa jenama yang biasa digunakan, itu pun stoknya terhad. Oleh itu, saya terpaksa membeli beras import kerana lebih mudah diperolehi. Memang harganya lebih mahal, tetapi saya tidak sanggup pergi ke beberapa kedai menghabiskan masa dan minyak kenderaan, itu pun belum tentu jumpa,” katanya.

Bapa kepada dua orang anak



BEKALAN beras tempatan semakin sukar diperolehi dalam pasaran sehingga pengguna terpaksa membeli beras import. - UTUSAN/KHAIRUL MOHD. ALI

itu memberitahu, situasi tersebut secara tidak langsung meningkatkan perbelanjaan pembelian barangan keperluan harian bagi keluarganya.

“Saya ada dua anak yang masih kecil. Jadi nasi memang antara makanan ruji kami sekeluarga dan untuk beras 10 kilogram itu, hanya beberapa minggu dapat bertahan, kadangkala sebulan

dua kali beli beras,” katanya. Sementara itu, seorang peniaga makanan yang hanya mahu dikenali sebagai Azman, 36, turut mengakui jumlah keuntungan jualan semakin merosot apabila menggunakan beras import.

“Saya berniaga nasi kukus dan nasi lemak. Jadi, beras putih memang digunakan dalam kuantiti banyak dan apabila beras tempa-

tan sukar diperoleh, saya tiada pilihan, terpaksa membeli beras import yang lebih mahal.

“Ini secara tidak langsung meningkatkan kos barangan, sedangkan harga jualan nasi kukus dan nasi lemak kekal seperti sebelum ini. Pada masa ini saya masih cuba bertahan dengan harga asal, tetapi sekiranya perkara ini terus berlarutan atau berlaku kenaikan lagi, mungkin saya juga terpaksa menaikkan harga jualan,” katanya yang sudah berniaga lebih tiga tahun.

Sementara itu, Pengurus Besar Pasaraya Econsave, Mas Imran Adam pula memberitahu, pihaknya turut mengalami masalah kekurangan bekalan beras tempatan pada ketika ini.

“Kebiasaannya kami menem-pah kira-kira 300 kampil beras, tetapi bekalan yang diterima antara 30 hingga 50 kampil sahaja sehari. Itu ini bukan sahaja beri kesan kepada pengguna, malah juga golongan peniaga.

“Isu ini sudah berlanjutan sejak akhir Jun lalu, kini semakin serius. Ramai golongan B40 me-rungut,” jelasnya.

Isu bekalan beras putih diselesaikan

Oleh ASYRAF MUHAMMAD,
SAFINA RAMLI, HADI
AB. MANAP dan KHAIRUL
MOHD ALI
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Isu kekurangan beras putih tempatan di beberapa negeri dijangka dapat diselesaikan dengan kemasukan bekalan baharu secara berperingkat dalam tempoh sebulan ke negeri terlibat.

Di PERLIS, bermula kelmarin, Kawal Selia Padi dan Beras Perlis mula mengedarkan sebanyak 50 tan metrik beras putih menerusi empat pengilang sebagai intervensi bagi menyediakan bekalan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, pihak Kawal Selia Padi dan Beras akan memberi fokus terhadap pekedai dan peruncit di dalam setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Perlis bagi memastikan bekalan beras putih berada di dalam pasaran.

"Boleh dikatakan sebilangan kedai dalam kawasan Kangar, Arau dan Padang Besar telah menerima bekalan beras putih ini bagi menampung permintaan pengguna di negeri ini," katanya selepas mengadakan perbin-

cangan bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semalam.

Terdahulu, Razali turut berkesempatan meninjau situasi bekalan beras putih tempatan di beberapa kedai pemborong bagi melihat situasi sebenar dihadapi pengguna di Perlis.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* melaporkan, beras import menguasai lebih 90 peratus di pasar raya dan kedai-kedai runcit sekitar Perlis berbanding beras tempatan yang sekadar melengkapi rak-rak makanan ruji itu.

Dalam pada itu Razali berkata, FAMA turut mendapat bekalan daripada pemborong yang dikenal pasti bagi menampung kekurangan beras putih tempatan dan telah membawa masuk sebanyak 10 tan metrik bekalan ke negeri itu.

"FAMA akan memberi fokus bagi menjual bekalan beras berkenaan di 25 outlet mereka dan menerusi Jualan Agro Bazar Madani yang diadakan pada setiap minggu," katanya.

Sementara itu di JOHOR BAHRU, negeri tersebut menerima tambahan bekalan beras putih tempatan sebanyak 80 tan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan sejak kebe-



FAMA akan memberi fokus bagi menjual bekalan beras berkenaan di 25 outlet mereka dan menerusi Jualan Agro Bazar Madani yang diadakan setiap minggu."

RAZALI SAAD

laksanaan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip memberitahu, bekalan tersebut disampaikan FAMA dan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) secara berperingkat-peringkat bermula kelmarin hingga akhir minggu ini.

"Memang kita hadapi sedikit cabaran, tentang bekalan beras. Kerajaan negeri sedang susun program untuk bantu rakyat, kita akan lihat apa yang dijalan-

kan Pusat kemudian disambung kerajaan negeri. Sebagai langkah intervensi beras, sebanyak 80 tan bekalan beras putih tempatan akan dibekal ke seluruh negeri menerusi empat pusat pengumpulan, iaitu di Johor Bahru, Simpang Renggam, Batu Pahat dan Tangkak.

"Bekalan tersebut akan didedahkan ke seluruh negeri, sebagai contoh pusat pengumpulan di Tangkak akan edar ke Muar dan Segamat, manakala Johor Bahru akan edar ke selatan negeri ini," katanya.

Di MELAKA, tambahan sebanyak 500 tan metrik beras tempatan diluluskan untuk dibawa masuk bagi bulan ini dilihat dapat menampung keperluan rakyat serta mengurangkan ketergantungan pengusaha restoran terhadap beras import.

Ia mampu mengurangkan kenaikan mendadak harga makanan berasaskan nasi yang boleh menjejaskan pendapatan harian pengusaha restoran dan jumlah kunjungan pelancong.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, sejak Sabtu lalu, pemborong beras tempatan di Me-

laka telah mendapat kelulusan membeli 500 tan metrik makanan ruji berkenaan.

Katanya, sehingga kelmarin, jumlah beras tempatan yang masuk ke Melaka adalah 120 tan metrik manakala baki 380 tan metrik bakal menyusul sehingga hujung bulan ini.

"Saya telah minta Kawal Selia Padi dan Beras Melaka memantau teliti kesemua proses masuk dan keluar beras ini daripada pemborong sehingga ke kedai-kedai. Pada masa sama, saya telah minta FAMA menjalankan Program Agro Madani Khas untuk menjual beras tempatan di seluruh negeri," katanya.

Dalam pada itu PULAU PINANG menjadi negeri pertama menerima bekalan beras tempatan menerusi program Intervensi Pengedaran Beras Putih Tempatan (BPT) bagi memastikan bekalan beras putih tempatan tidak terputus di pasaran.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan, Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, menerusi program itu kerajaan negeri menerima 3,000 kampak bekalan beras tempatan yang kesemuanya seberat 30,000 kilogram untuk diedarkan kepada penduduk negeri itu.

Periksa kilang pengeluaran beras

PETALING JAYA: Kerajaan perlu turun padang memeriksa kilang pengeluaran beras berikutan dakwaan beras tempatan berkurangan di pasaran sejak kebelakangan ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Koordinator Badan Bertindak Selamatkan Industri Padi dan Beras (Padi Rescue), Nurfitri Amir Muhammad berkata, isunya pada waktu ini adalah stok beras dari kilang amat rendah.

"Pihak berkuasa harus turun padang memeriksa stok padi yang masuk ke sesebuah kilang tersebut dan berapa banyak paket beras yang keluar dari kilang.

"Perlu dilihat adakah terdapat penipuan dalam pembungkusan beras di peringkat kilang? Sebagai contoh, mereka sepatutnya membekalkan beras tempatan 1,000 paket tetapi hanya 700 paket dikeluarkan, jadi adakah bakinya

dikeluarkan sebagai beras import?" Soalnya ketika dihubungi di sini.

Semalam akhbar ini melaporkan, golongan pesawah di Sabak Bernam dan Kuala Selangor resah kerana perolehan hasil padi mereka merosot kira-kira 70 peratus daripada 12 tan metrik satu petak sawah pada 2018 kepada hanya 3.5 tan metrik kini.

Nurfitri Amir berkata, pengilang yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan untuk melakukan penipuan bagi mendapatkan keuntungan lebih.

Katanya, oleh itu pihak berkuasa harus memandang serius dan melakukan pemeriksaan bagi memastikan tiada penipuan berlaku.

Bagaimanapun katanya, hasil tuaian tidak akan sama sepanjang tahun kerana sudah pasti ada turun naiknya dalam hasil.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2023	KOSMO	MUKA DEPAN	1



PENGGUNA MENGELUHKAN TERPAKSA BELI BERAS 'KAYANGAN'

Rakyat luah sukar dapat beras tempatan mampu milik di pasaran sejak kebelakangan ini. **BERITA DI MUKA 3**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

90% rakyat Kelantan makan beras Siam seludup

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Kira-kira 90 peratus atau 1.26 juta penduduk Kelantan makan beras yang diseludup dari Thailand kerana rasa makanan ruji itu didakwa lebih sedap selain aromanya wangi berbanding beras tempatan.

Seminggu dianggarkan lebih 50,000 tan metrik beras Siam dibawa masuk ke negeri ini dan beras pelbagai jenama seperti Arnab, Angsa Emas, Mangga, Basikal dan Serindit mendapat permintaan tinggi.

Anggaran kemasukan beras seludup tersebut berdasarkan setiap hari penyeludup akan membawa 300 hingga 500 kilogram (kg) beras seludup pelbagai cap bagi memenuhi permintaan rakyat Kelantan.

Didakwa terdapat lebih 1,000 penduduk di kawasan sempadan Malaysia-Thailand bermula dari Pengkalan Kubor di Tumpat hingga Bukit Bunga di Jeli menjadikan aktiviti membawa masuk beras Siam ke negara ini sebagai mata pencarian utama untuk menyara keluarga.

Bagaimanapun, susulan ketidakstabilan nilai Ringgit berbanding Bath Thai menyebabkan rakyat negeri ini merungut kerana harga beras Siam turut mahal.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati beras Siam sejak sebulan ini naik antara RM2 hingga RM5 bagi sekampit bergantung kepada berat serta jenama namun penduduk Kelantan tetap memilih beras Siam.

Bersambung di muka 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

90% rakyat Kelantan makan beras Siam seludup

Dari muka 1

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang penyeludup yang mahu dikenali sebagai Long, 47, berkata, secara purata dia mengakui membawa masuk sekitar 500 hingga 600 kg beras Siam pelbagai jenama sehari.

Menurutnya, meskipun berlalu kenaikan harga ketika ini namun permintaan terhadap beras itu tidak merosot.

"Cuma saya kerap kali mendengar keluhan pembeli mereka terpaksa membayar lebih untuk membeli beras Siam kerana nilai ringgit semakin merosot.

"Walaupun agak perit, namun, tiada pilihan. Hal ini kerana beras Siam sudah menjadi darah daging yang begitu sebatian dengan rakyat Kelantan sejak puluhan tahun lalu," katanya.

Long berkata, berpandukan kepada maklumat daripada tauke harga beras dijangka tidak berubah dalam masa terdekat kecuali nilai ringgit kembali melonjak.

Seorang peniaga runcit di

Tumpat yang hanya mahu dikenali sebagai Ros berkata, di kedainya beras Siam pelbagai jenama yang laris dan beras tempatan tidak laku.

Kata Ros, dia sendiri tidak makan beras tempatan kerana sudah biasa dengan keenakan beras Siam.

"Saya tahu jual beras Siam seludup salah tetapi perkara ini bukan baharu dan sudah bergerasi menjadi mata pencarian peniaga di negeri ini," katanya.

Kata Ros, jika ada pelanggan mencari beras tempatan, pelanggan berkenaan disaran ke pasar raya untuk memilih pelbagai jenama beras tempatan.

Sementara itu seorang penguna yang mahu dikenali sebagai Ramlah, 50, berkata, beras seludup menjadi makanan ruji buatnya sejak kecil.

Katanya, rasa manis berbanding beras tempatan selain aroma yang wangi mampu menjadi pembuka selera.

"Kelebihan beras Siam ia lambat basi dan sesuai dijadikan sebagai nasi goreng," katanya.



SEBAHAGIAN jenama beras Siam yang diseludup dan dijual di keda-kedai runcit dan menjadi pilihan rakyat Kelantan. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

Pengguna mengeluh sukar cari beras tempatan, terpaksa beli beras import harga RM62

'Pergi 5 kedai belum tentu ada stok'

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI
dan HARRITH HISHAM

JOHOR BAHRU – Pengguna di daerah ini tidak mempunyai pilihan selain terpaksa mengeluarkan belanja lebih untuk membeli beras import walaupun harganya mahal berikutan menghadapi kesukaran mendapatkan beras tempatan di pasaran.

Tinjauan Kosmo! di beberapa premis perniagaan di **Johor Bahru** mendapati bekalan beras tempatan tiada kerana jumlahnya yang terhad.

Seorang pengguna, Abdul Latif Juhari, 39, berkata, dia terpaksa membeli beras import kerana pilihannya yang lebih banyak berbanding jenama beras tempatan yang terdapat di pasaran ketika ini.

"Memang susah hendak beli beras tempatan sekarang. Kadangkala saya terpaksa pergi ke beberapa kedai, stok yang ada pula terhad."

"Jadi saya tiada pilihan terpaksa beli beras import walaupun mahal. Saya tidak sanggup habiskan masa dan petrol untuk mencari beras tempatan di lokasi yang jauh, itupun belum tentu dapat," katanya ketika ditemui



RAK menempatkan stok beras tempatan kosong ketika tinjauan di sebuah premis di Johor Bahru semalam.

semalam.

Menurut bapa dua anak itu, keadaan itu secara tidak langsung telah meningkatkan bebanan harian keluarganya.

"Kedua-dua anak saya masih kecil dan mereka makan nasi. Bagi kampil 10 kilogram (kg) beras bertahan beberapa minggu

sahaja," katanya.

Bagi peniaga nasi kukus dan nasi lemak, Azman, 36, dia terpaksa menggunakan beras import bagi perniagaan makanannya walaupun keuntungan yang diperoleh sedikit.

"Saya menggunakan beras dalam kuantiti banyak. Jika su-

sah nak dapat beras tempatan saya terpaksa beli beras import. Saya cuba bertahan jika berlarutan mungkin saya terpaksa naikan harga makanan," katanya.

Di **Ampang**, Selangor, masalah sama turut dihadapi penduduk daerah ini apabila ada antara mereka yang terpaksa pergi ke

lebih lima buah pasar raya dan kedai runcit untuk mendapatkan beras tempatan.

Suri rumah, Norinah Sharibudin, 62, berkata, dia tidak mempunyai pilihan lain kerana harga beras import mahal ketika ini," katanya.

Pekerja swasta, Nuratika Adnan, 29, turut mengakui berdepan kesukaran membeli beras tempatan di kawasan tempat tinggalnya.

"Saya pergi tiga pasar raya semalam (kelmarin), namun tiada beras tempatan. Hampir lima jam mencari, akhirnya terpaksa beli beras putih import 10kg pada harga RM62," katanya.

Harga beras global bulan lalu mencecah paras tertinggi dalam tempoh 15 tahun selepas India yang juga pengeksport utama menyekat penjualan makanan ruji itu ke luar negara.

India menyumbang lebih 40 peratus daripada semua penghantaran beras global.

Kelmarin, kerajaan memberi jaminan stok beras negara mencukupi untuk menampung keperluan domestik bagi empat hingga lima bulan ini dan belum ada keperluan kecemasan untuk menggunakan stok penimbil.

Harga beras 5kg serendah RM13 menerusi Jualan Rahmah

KUALA LUMPUR – Dalam usaha meringankan beban orang ramai, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menawarkan beras import pada harga lebih murah menerusi Program Jualan Rahmah Beras bermula semalam.

Timbalan Menteri, Fuziah Salleh berkata, inisiatif itu dilaksanakan ekoran isu kekurangan beras tempatan ketika ini.

"KPDN memutuskan untuk memberi subsidi ke atas beras import pada harga RM13 hingga RM14 bagi kampil 5 kilogram (kg)."

"Contohnya, bagi Jualan Rahmah Bergerak, beras tempatan 5kg dijual pada harga RM13 hingga RM14, jadi kita sedaya upaya akan jual pada harga itu."

"Kalau RM13 itu beras tempatan, menerusi Jualan Rahmah Beras, harga itu adalah bagi beras import," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Today's Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward di sini semalam.

Jelasnya, pelaksanaan jualan beras import itu akan diperlu-



ORANG ramai boleh mendapatkan harga beras import pada harga lebih rendah menerusi Jualan Rahmah Beras bermula semalam.

askan ke 222 kawasan Parlimen. Beliau turut menggalakkan Ahli Parlimen dan pemimpin setempat untuk mengambil bahagian merancang program sama di kawasan masing-masing.

KPDN memperuntukkan sebanyak RM150 juta untuk Jualan Rahmah bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Mula-mula kita ada RM100

juta, tapi Perdana Menteri tambah lagi RM50 juta. Disebabkan kita tiada akses kepada beras tempatan, jadi kami akan beri diskaun untuk harga beras import," ujarnya.

Jualan Rahmah Beras menasarkan kawasan penempatan B40, perumahan kos rendah khususnya di Projek Perumahan Rakyat.

Zakat fitrah Terengganu mungkin naik tahun depan

KUALA TERENGGANU – Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) tidak menolak kemungkinan kadar zakat fitrah bagi umat Islam di negeri ini akan naik pada tahun hadapan.

Yang diPertua Maidam, Datuk Shaikh Harun Shaikh Ismail berkata, tindakan itu didorong oleh kenaikan harga beras di pasaran sejak akhir-akhir ini.

Beliau berkata, kadar zakat fitrah dibuat bergantung kepada tinjauan harga beras di pasaran dalam tempoh dua hingga tiga bulan sebelum bulan Ramadan.

"Kita akan meninjau harga beras yang paling kerap dimakan untuk dibawa ke dalam mesyuarat penetapan kadar zakat fitrah. Seterusnya, perkara itu akan dipersembahkan kepada Sultan Terengganu bagi mendapat perkenan baginda," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu, Shaikh Harun melancarkan program potongan zakat berjadual dan sesi libat urus pemerikasaan pengoperasian Maidam.



Kita akan melihat harga beras yang paling banyak dimakan untuk dibawa ke dalam mesyuarat penetapan kadar zakat fitrah. Seterusnya, perkara itu akan dipersembahkan kepada Sultan Terengganu bagi mendapat perkenan baginda."

Pada tahun ini, zakat fitrah bagi negeri Terengganu ditetapkan pada kadar RM8, RM10 dan RM24 seorang mengikut jenis beras yang dimakan.

Individu yang memakan nasi beras super spesial tempatan perlu membayar zakat fitrah sebanyak RM8 seorang.

Bagi mereka yang menggunakan jenis beras super import pula zakat yang dikenakan adalah RM10 dan RM24 pula bagi beras jenis premium seperti basmathi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2023	HARIAN METRO	LOKAL	6

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Jualan Rahmah Beras akan menawarkan beras import pada harga antara RM13 hingga RM14 setiap kampak lima kilogram (kg).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Fuziah Salleh berkata, Jualan Rahmah Beras akan menggunakan beras import susulan kekurangan beras tempatan ketika ini.

"Dalam Jualan Rahmah bergerak, kita tawarkan harga sekamper beras lima kilogram (kg) antara RM13 hingga RM14, jadi KPDN akan cuba sedaya upaya menawarkan harga sama dalam Jualan Rahmah Beras.

"Kita akan cuba sedaya upaya untuk menjual dengan harga seperti itu juga. (Maknanya) kalau RM13 untuk harga beras tempatan, tetapi untuk Jualan Beras Rahmah kita jual beras import," katanya selepas merasmikan seminar *Today's Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward*, di sini, semalam.

Mengenai golongan sasaran untuk Jualan Rahmah Beras, Fuziah berkata, KPDN mahu memastikan hanya mereka layak dapat membeli beras berkenaan.

Sebagai contoh, katanya, melalui Jualan Rahmah Bergerak, sasarannya ada-

JUALAN RAHMAH BERAS

Beras import RM13 hingga RM14 setiap kampak 5kg

lah kawasan B40, perumahan kos rendah, Program Perumahan Rakyat (PPR) dan sebagainya.

"Mekanisme itu (bergerak ke kawasan penempatan disasarkan) mungkin satu cara untuk kita sampai kepada golongan yang memerlukan dan terkesan.

"Namun untuk golongan peniaga, pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengatakan mereka akan ambil tanggungjawab.

"Kita akan lihat mekanisme terbaik untuk memastikan seluas mungkin capaian kepada golongan yang memerlukan.

"Sebaik-baiknya pengagihan dilaksanakan kelak mengikut kawasan Parlimen. Maksudnya setiap parlimen ada program itu," katanya.

Beliau berkata, ada juga dalam kalangan Ahli Parlimen memenuhinya yang memaklumkan ingin menggunakan peruntukan mereka bagi menambatkan subsidi yang ditawarkan dalam bentuk beras kepada pengundi di kawasan mereka.

Berhubung rungutan orang ramai mengenai ketiadaan beras tempatan di

pasaran termasuk tinjauan Harian Metro di Chow Kit, Fuziah berkata, pemantauan penguat kuasa KPDN juga mendapati beras tempatan juga sukar diperoleh di kedai runcit, pasar raya dan pasar raya hiper.

"Itu komen saya, lebih daripada itu ia di luar bidang kuasa KPDN. Di dalam kes barang kawalan lain, yang kita ada bidang kuasa itu kita boleh buat.

"Tetapi di dalam isu beras, bidang kuasa itu tidak ada pada kita, maksudnya punca kuasa itu tidak ada.

"Ia (kuasa) Bahagian Kawalselia Padi dan Beras di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Jadi itu yang saya beritahu, bukan kita tidak ingin atau mengelak (bertanggungjawab ketiadaan beras tempatan)," katanya.

Menurutnya, apa yang

pihaknya boleh lakukan adalah memanggil rakan penguat kuasa Kawal Selia Padi dan Beras untuk sama-sama selesaikan masalah berkepaan.



PEMANTAUAN penguat kuasa KPDN mendapati beras tempatan sukar diperoleh di kedai runcit, pasar raya dan pasar raya hiper. Gambar NST/ABDUL KADAR

MAFS hantar 80 tan metrik beras putih tempatan ke Johor

Johor Bahru: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) sudah menghantar 80 tan metrik beras putih tempatan (BPT) ke Johor, bagi mengatasi kekurangan bekalan makanan asasi di negeri ini.

Ia diagihkan menerusi Kawalselia Padi dan Beras (KWPB), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Datuk Zahari Sarip berkata, bekalan BPT diterima oleh secara berperingkat membabitkan 60 tan metrik pada khamis, dan semalam.

Baki 20 tan metrik pula diterima daripada LPP.

"Penghantaran BPT ini adalah yang pertama di-

lakukan oleh Kerajaan Pusat sebagai langkah intervensi beras. Edaran BPT fasa pertama membabitkan 30 tan metrik ke 38 kerajaan pusat membeli belah besar seluruh Johor.

"Manakala edaran BPT fasa kedua sedang diagihkan kepada empat pusat pengumpulan iaitu di Johor Bahru, Tangkak, Batu Pahat dan Simpang Renggam sebelum disalurkan kepada seluruh 35 outlet Fama dan pasar tani kekal seluruh Johor, dan mula dijual mulai esok (hari ini).

"Kerajaan negeri akan ambil tindakan, kami sedang bincang dengan Jabatan Pertanian dan agensi lain termasuk Pejabat Menteri Besar, jika apa yang dilakukan Fama ini mendatangkan hasil yang baik, kita juga mungkin akan bantu Fama untuk terus-

kan program ini diperingkat negeri.

"Contoh, jika Fama bantu 30 tan metrik, mungkin kerajaan negeri akan tambah mengikut keperluan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Penutupan Kursus Peningkatan Ekonomi Madani Peladangnya Negeri Johor di Institut Pengurusan Peladang di sini, semalam.

Menurut Zahari, pengagihan BPT akan dibuat mengikut keperluan dan kepadatan penduduk.

"Keperluan rakyat ialah BPT dan bukan beras import. Beras import tiada masalah. Menjadi keutamaan kerajaan negeri bagi memastikan harga BPT diawal pada kadar RM24 hingga RM26 bagi pek 10 kilogram," katanya.

Kuala Lumpur: Isu ketiadaan bekalan beras tempatan dalam pasaran satunya berpunca daripada pihak pengilang beras kurang mengeluarkan produk mereka.

Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim) Ismail Awang berkata, isu itu berkeungkinan berlaku apabila pengilang berskala besar beras tidak mengeluarkan beras mencukupi untuk keperluan negara.

"Apabila pengilang besar ini tidak mengeluarkan beras tempatan mencukupi, macam mana pemborong hendak beli beras dan akhirnya pengguna menjadi mangsa," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas isu kesukaran mendapatkan beras tempatan dalam negara hingga membebankan rakyat yang terpaksa membeli beras import lebih

'Perlu wujudkan semula skim beras subsidi kepada golongan sasaran'

mahal.

Mengulas lanjut, Ismail berkata, kemelut itu boleh diselesaikan jika kerajaan mewujudkan semula skim beras subsidi kepada golongan sasar.

"Kerajaan perlu selesaikan dulu isu rakyat susah hendak dapatkan beras tempatan yang menjajaskan golongan B40 dan M40 kerana bab isu ketirisan itu boleh dipantau.

"Wujudkan beras subsidi segera dengan mekanisme hanya rakyat tempatan terutama golongan sasar B40 dan M40 saja terima manfaat bu-

kan orang asing.

"Kerajaan perlu tegas, pastikan hanya golongan sasar saja terima subsidi ini dengan menggunakan kad pengenalan untuk mendapatkan beras," katanya.

Terdahulu, bagi menangani isu itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan

Kos Sara Hidup (KPDN) Fuziah Salleh mengumumkan KPDN memutuskan subsidi untuk beras import dengan harga jualannya pada RM13 hingga RM14 bagi setiap kampak lima kilogram.

"Kerajaan perlu tegas, pastikan hanya golongan sasar saja terima subsidi ini"
Ismail

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2023	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

Rungkai semula dasar padi, beras elak masalah berulang

● Kaedah penyaluran subsidi perlu ditukar kepada berasaskan output atau pengeluaran, bukan lagi berasaskan keluasan tanah tanaman padi (atau berasaskan input)

● Kerajaan wajar mengambil langkah menyeluruh, bersepadu dan segera untuk memastikan keselamatan makanan, terutama beras tidak lagi bergantung kepada sumber import



Profesor Putra Business School (PBS)

Oleh Prof Datuk Dr M Nasir Shamsudin
bhrencana@bh.com.my

Isu kekurangan beras putih tempatan di pasaran dan kenaikan harga beras import ekoran situasi terkini pasaran antarabangsa sebenarnya mendedahkan persoalan sebenar yang belum terjawab hingga kini, iaitu mengapakah sasaran kadar sara diri tidak tercapai hingga kini? Ini kerana ia menyebabkan sebarang perubahan dalam pasaran dunia akan memberikan kesan langsung kepada negara yang bergantung kepada sumber import seperti

yang kita saksikan pada masa ini. India, pengeksport beras terbesar dunia menyumbang hampir 40 peratus daripada perdagangan beras global pada 2022 dan mengeksport 22 juta tan ke 140 negara, mengenakan larangan terhadap eksport beras putih bukan basmati pada 20 Julai lalu.

Langkah itu susulan larangan eksport beras pecah yang diumumkan pada September tahun lalu dan masih dilaksanakan. Alasan negara itu adalah kenaikan harga makanan, inflasi tinggi dan kemungkinan berkurangan pengeluaran beras akibat gangguan El Nino.

Impak larangan ini sudah dirasai dengan peningkatan harga beras pada peringkat global. Harga beras dunia diasaskan kepada beras putih pecah 5 peratus dari Thailand meningkat daripada AS\$431 (RM2,023) per tan pada Ogos 2022 kepada AS\$514 (RM2,413) per tan pada Julai lalu.

Kebimbangan juga dirasai sama ada Thailand dan Vietnam akan mengikuti jejak India dengan mengawal eksport beras mereka. Jika itu berlaku, harga mungkin akan meningkat melepasi AS\$1,000 (RM4,693) per tan.

Selain larangan eksport dan kenaikan harga beras, terdapat isu terkini yang banyak dipaparkan di media bahawa kebanyakan peniaga kedai runcit dan pasar raya mengalami kekurangan serta kehabisan bekalan beras super spesial tempatan.

Melihat perkembangan yang berlaku dalam industri beras global, pengeluaran beras tempatan perlu ditingkat bagi memastikan bekalan negara mencukupi memandangkan hanya 7 peratus daripada jumlah pengeluaran beras dunia didagangkan berbanding 18 peratus bagi gandum dan bijiran lain (12 peratus).

Dari segi dasar, sejak merdeka Malaysia memang memilih untuk menjadi pengimport bersih beras dengan sasaran SSR yang diisytiharkan antara 60 hingga 90 peratus seiring perubahan keadaan domestik dan global.

Dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030), kadar sara diri pengeluaran beras hanya

disasarkan ke tahap 80 peratus pada 2030 daripada 65 peratus pada masa kini. Sasaran dalam Dasar Agromakanan Negara (2010-2020) pula adalah 69.8 peratus, tetapi itu pun tidak tercapai.

Justeru, ia mencetuskan persoalan mengapakah sasaran kadar sara diri itu tidak pernah direalisasikan walaupun kita tidak meletakkan sasaran sehingga 100 peratus?

Subsidi lindungi pendapatan pesawah

Industri padi dan beras mendapat subsidi, sekali gus dikawal selia secara ketat. Ini bertujuan melindungi pendapatan pesawah dan memastikan harga beras pada paras mampu beli pengguna, termasuk golongan miskin bandar.

Instrumen dasar digunakan hanya membenarkan Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) sebagai pengimport tunggal beras sah. Di samping itu, kerajaan menyediakan subsidi input dan harga, melaksanakan kawalan harga serta memberikan pelbagai sokongan institusi termasuk penyelidikan dan pembangunan R&D, pembangunan, pengairan dan pengurusan ladang. Harga beras super tempatan 15 peratus hancur (ST15) dikawal, selebihnya termasuk semua beras import diapungkan.

Dari segi ilmu ekonomi, falsafah dasar awam pertanian adalah untuk meningkatkan penawaran dan bekalan makanan dengan intervensi dalam pasaran input serta output dan meningkatkan permintaan, kestabilan harga dan jaringan keselamatan untuk petani dan pengguna.



Selain itu, falsafahnya adalah untuk menambahkan kecekapan sistem rantaian bekalan makanan bagi membolehkan pengeluaran pekebun kecil mengambil bahagian dalam rantaian nilai perniagaan tani, melalui akses saksama kepada pasaran tempatan dan antarabangsa, membetulkan kegagalan pasaran dari segi pengoptimuman persendirian berbanding sosial dan pengoptimuman dasar yang dapat meningkatkan kebajikan kedua-dua pengeluaran dan pengguna.

Memandangkan dasar sedia ada tidak menghasilkan sasaran kadar sara diri dan merujuk falsafah dasar awam pertanian, dasar padi serta beras negara perlu dirungkai semula.

● Pertama, bagi memastikan keberkesannya penyaluran skim subsidi padi, kaedah penyaluran subsidi perlu ditukar kepada berasaskan output atau pengeluaran, bukan lagi berasaskan keluasan tanah tanaman padi (atau berasaskan input). Jika ditukar kepada berasaskan pengeluaran, ini akan dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.

● Kedua, mengapungkan harga beras ST15 dan digantikan dengan subsidi tersasar kepada golongan miskin terutama miskin bandar - ini akan menambahkan kecekapan rantaian penawaran padi dan beras negara, sekali gus dapat mengatasi isu tiada bekalan beras tempatan.

● Ketiga, melaksanakan dasar guna tanah untuk meningkatkan pengeluaran padi dengan pemberian insentif kepada kerajaan negeri daripada kerajaan Persekutuan. Kajian oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) mencadangkan insentif itu berasaskan nilai perkhidmatan ekosistem guna tanah pengeluaran padi dengan menggalak skim contohnya Food Security Transfer Payment.

● Keempat, berbanding dengan sektor perindustrian, pengeluaran makanan seperti padi terdedah kepada banyak lagi risiko dan ketidakpastian termasuk bencana alam serta ketidaktentuan harga. Bagi mengatasi isu ini, insurans tanaman padi perlu dilaksanakan.

Selain penggubalan dasar itu, industri padi dan beras negara perlu meningkatkan pelaburan dalam R&D bagi meningkatkan produktiviti, meneruskan Skim SMART SBB bagi memperluaskan skala ladang dan menerapkan tahap keusahawanan pesawah padi.

Realitinya, kerajaan perlu mengambil langkah menyeluruh, bersepadu dan segera untuk memastikan keselamatan makanan, terutama beras tidak lagi bergantung kepada sumber import, sekali gus terdedah kepada pelbagai risiko termasuk gangguan dan peningkatan harga di pasaran antarabangsa.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@mediaprima.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran
AZHAR A SAMAH
azharas@bh.com.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2023	SINAR HARIAN	NEGERI SEMBILAN	28

Sembilan ekor kerbau mati disyaki diracun

PORT DICKSON – Sebuah keluarga yang mengusahakan penternakan kerbau kesal apabila sembilan ternakannya itu ditemukan mati, dalam sebuah ladang kelapa sawit di Kampung Barisan, Sua Betong di sini pada Isnin.

Penternak, G Yoovan Kumar, 24 berkata, pada awalnya dimaklumkan pada jam 12.30 tengah hari tiga ekor kerbaunya telah mati sebelum menemui satu tong berisi gula merah disyaki bercampur racun di ladang tersebut.

Menurutnya, mempunyai 150 ekor kerbau, selepas diperiksa sembilan daripadanya ditemukan mati manakala 12 hingga 13 kerbau lagi hilang dan masih belum dijumpai.

"Bangkal kerbau itu dijumpai secara berperingkat di lokasi berbeza sekitar ladang, bermula pagi Isnin hingga pagi Selasa membabitkan pelbagai baka termasuk jenis sapi jantan seberat 900 kilogram yang dibeli dengan harga RM12,000.

"Saya generasi ketiga menternak kerbau yang diwarisi daripada ayah dan datuk sebelum ini. Dikhuatiri ternakan kami terminum air dalam tong berkenaan sebelum ditemukan mati," katanya kepada pemberita pada Selasa.

Katanya, keadaan ini menyebabkan mereka sekeluarga mengalami kerugian ratusan ribu ringgit.

"Justeru, satu laporan polis telah dibuat pada Isnin di Balai Polis Linggi untuk tindakan lanjut pihak berkuasa dan Jabatan Veterinar Negeri Sembilan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintenden Aidi Sham Mohamed mengesahkan menerima laporan berkenaan.



Yoovan menunjukkan bangkai kerbaunya miliknya yang ditemukan mati di sebuah ladang kelapa sawit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Kutu air higenik hasilkan benih ikan berkualiti

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

JELEBU: Moina sp. ataupun disebut sebagai kutu air merupakan sejenis makanan hidup yang menjadi makanan awalan buat benih ikan atau udang khususnya yang ditenak oleh pengusaha akuakultur termasuk di negara ini.

Bagi meningkatkan industri akuakultur di negara ini, pihak Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami Lemi di sini membangunkan teknologi penternakan kutu air ini secara intensif dan higenik.

Usaha dijalankan sejak tahun 2016 itu juga bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada Artemia spp. atau brine shrimp import yang sejak sekian lama dijadikan makanan kepada ikan yang ditenak oleh pengusaha-pengusaha di negara ini.

Pegawai Penyelidik IPP Glami Lemi, Hanan Mohd. Yusof berkata, ekoran kebergantungan terhadap Artemia spp. me-



HANAN Mohd. Yusof menunjukkan Moina sp. yang ditenak dan sedia untuk dituai ketika ditemui di Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami Lemi, Jelebu. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

nyebabkan permintaan terhadapnya adalah tinggi sekali gus menyebabkan harganya turut meningkat.

Kadaan tersebut juga secara tidak langsung meningkatkan port dari luar negara khususnya

dari Amerika Syarikat, harganya sekarang sudah meningkat mencecah sehingga RM500 bagi setiap tin 425 gram.

"Oleh itu, Moina sp. atau kutu air ini merupakan alternatif, malah, penghasilannya dapat mengurangkan kos penternakan sehingga 60 peratus," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Hanan dalam pada itu memberitahu, teknologi penternakan secara intensif dan higenik yang dijalankan itu juga adalah bagi mengatasi isu amalan perolehan kutu air liar yang sering didapati dari sumber tidak bersih seperti kolam kumbahan dan parit-parit kotor.

"Moina sp. semula jadi ini mendatangkan penyakit kepada benih ikan, sekali gus merencatkan pengeluaran benih ikan di pusat pembiakan.

"Oleh itu, Moina higenik semanganya sesuai dijadikan makanan kepada benih ikan dan udang kerana ia bersih dan bebas risiko bawaan penyakit," ujarnya.

JOHOR

Promoting freshwater fish

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

TO ENCOURAGE more people to consume freshwater fish, Johor Fisheries Department has published a cookbook filled with delicious recipes to try.

Its director Zainudin Abd Wahab said the book took more than a year to compile, with assistance from Johor government.

"The objective of the cookbook is to promote freshwater fish, so that people feel less intimidated to cook it at home," he said during an interview with *StarMetro*. "Not many are familiar with *ikan baung* (yellow catfish), a type of freshwater fish that is popular in Segamat, and we hope to change that."

"We want to make the fish a household name."

"Much like how *ikan patin* (silver catfish) is usually associated with Pahang, we want people to think of Johor at the mention of *ikan baung*," he elaborated.

Zainudin said the cookbook showcased 12 different Johorean recipes such as *Ikan Baung Asam Pedas*, *Ikan Kelah* (mahseer) *Bakar Lemak Manis*, and Freshwater Prawns Cooked in Butter Sauce.

The book, which is available for free, also features other freshwater fishes such as *ikan lais*, *ikan sebarau* and *ikan tenggalan*.

"Apart from the recipes, the cookbook includes photos of the fish to help readers identify the species as well as tips to eliminate the fish slime and 'muddy' taste," added Zainudin.

Johor Fisheries Department launched the book during its "Let's Eat Freshwater Fish" campaign held at a mall in the state, and visitors were given the opportunity to try various freshwater fish and aquaculture dishes for free.

Some of the dishes that were showcased were fresh oysters, Mussels Baked With Cheese, *Ikan Baung Asam Pedas*, and *Ikan Susu* (Milkfish) Grilled in Salt.

"Freshwater fish consumption is highly encouraged by the department as it helps to strengthen the country's food security and resources."

"The increased demand for freshwater fish, mussels, prawns and oysters can also help gener-

Department launches book with recipes highlighting local aquaculture products



Johor Fisheries Department is trying to promote the consumption of freshwater fish with dishes such as *Ikan Susu* (milkfish) Grilled in Salt.

ate more income for local breeders and entrepreneurs," said Zainudin.

He added that the state's fisheries sub-sector produced 25,770 metric tonnes of products worth RM553.6m last year.

Haliza Hashim, one of the visitors at the event, is looking forward to trying some of the cookbook's recipes.

"I am familiar with freshwater fish as I often cook it for family meals."

"One of my go-to recipes is *Tilapia Masak Lemak Cili Api*."

"The key to eliminating the muddy taste and slimy mucus is to soak the fish in tamarind water before rinsing it thoroughly."

"I learned these tips from my mother," said the 45-year-old housewife.

She added that when the fish was prepared properly, diners could enjoy the tender flesh and

unique taste.

Andy Tan, 38, said he often steered away from freshwater fish as he was under the impression that it tasted "muddy and fishy".

"I was surprised by the taste of some of the fish dishes served at the event."

"Not only did they not have any muddy taste, they were quite delicious."

"I will be more open to eating more freshwater fishes in future," said the businessman.

Nurul Nabila Muhd Huszaidi, who works as an emcee, also hopes to try more freshwater fish and shellfish in future.

"It was my first time trying fresh oysters, at the event, and I was surprised by the clean taste."

"I was also impressed that they were farmed in Johor."

"I hope more people will give freshwater products a try as this helps support the local econo-

"The objective of the cookbook is to promote freshwater fish, so that people feel less intimidated to cook it at home."

Zainudin Abd Wahab

my," said the 21-year-old.

The cookbook is in soft copy format.

Those interested in getting a copy of the cookbook can call the Fisheries Department at 07-5104 808 for details.



(From left) Zainudin showing Kota Iskandar assemblyman Datuk Pandak Ahmad the cookbook at the event. Looking on is Malaysian Fisheries Department's marine aquaculture branch chief Noor Hasmayana Yahya.



Johor Fisheries Department staff members serving fresh oysters to the public at the event held to promote freshwater fish and aquaculture products.

MADA sasar capai pengeluaran 274,000 tan beras



ISMAIL (tengah) melihat hasil tuaian padi yang diusahakan di kawasan Muda baru-baru ini.

ALOR SETAR – Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mencatatkan prestasi tuaian semasa padi di kawasan Muda sebanyak 20 peratus dengan anggaran hasil kasar pengeluaran sebanyak 100,000 tan metrik sehingga kelmarin.

Pengerusinya, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, jumlah pengeluaran tersebut adalah bersamaan 54,000 tan atau 5.4 juta beg beras.

"Kita menjangkakan status kemajuan aktiviti tanaman padi di kawasan Muda mencapai 90 peratus pada pertengahan bulan

depan dengan hasil kasar pengeluaran 450,000 tan metrik.

"Ia bersamaan dengan 274,000 tan beras atau 274 juta beg beras," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, bagi kelangsungan pengeluaran padi negara, MADA juga melaksanakan strategi program peningkatan hasil padi di kawasan Muda dengan memfokuskan Penanaman Padi Skala Besar seperti Projek Smart Sawah Berskala Besar (SBB) Ala Sekinchan dan Projek Penanaman Padi Lima Kali dalam Tem-

poh dua Tahun.

Sementara itu katanya, Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air dan Penanaman Padi MADA Musim 2/2023 yang berlangsung kelmarin turut bersetuju penanaman padi bagi Musim 1/2023 adalah bergantung kepada turunan air hujan 100 peratus.

"Tarikh akhir menabur bagi Fasa I adalah 11 November depan dan bagi Fasa II, tarikh akhir menabur adalah pada 21 November depan dan tarikh akhir bagi menabur Fasa III pada 1 Disember depan," ujarnya.

Promising start to padi pilot project

Programme to harvest rice five times every two years kicks off in Kedah and Perlis

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: Padi farmers in Kedah and Perlis have started the pilot project of harvesting five times every two years to boost local rice production and increase their income.

Muda Agricultural Development Authority (Mada) chairman Datuk Dr Ismail Salleh said this is also part of the government's effort to increase the output of locally produced white rice in the future.

"The programme to increase the intensity of rice cultivation has been implemented on a 214ha area in a pioneer project. The effectiveness of this programme is evident as the average yield has increased from 3.3 tonnes per hectare to 6 tonnes per hectare," he said yesterday.

Among the areas that were involved in the project were Kampung Padang Telela, Kampung Sena and Kampung Katong in Perlis. In Kedah, the padi fields are in Pantan Jamal, Titi Gajah A and Plot B in Pendang.

Ismail said more padi fields are being used in the switch to the



A glorious sight: A farmer using his tractor at his padi field in Kedah. Mada has implemented a pilot project to increase rice production.

new cultivation system nationally. Currently, he said locally produced rice can only cater to about 65% of the country's needs or 1.7 million tonnes a year. The remaining supply is imported from Thailand, Indonesia, Vietnam, Bangladesh and India, he added.

He said Mada is responsible for the supply of about 40% of the rice supply while the remaining 25% of the production is under the

purview of other agencies under the Agriculture and Food Security Ministry. Ismail said that in Mada areas, there had been a drop in production of 1% to 2% due to several factors.

"These include weather, diseases and flash floods," he added.

He said that as at Sept 18, the current harvesting performance under Mada's purview had reached 20%, with an estimated

gross harvest of 100,000 tonnes, equivalent to 54,000 tonnes. He said Mada expects the gross harvest to reach 90% by mid-October, at 450,000 tonnes, equivalent to 274,000 tonnes of rice.

To sustain Malaysia's rice production, Ismail said Mada implemented a host of other strategic initiatives which include emphasising on large-scale padi planting and the cultivation method to

allow padi farmers to harvest five times every two years.

Ismail said that in the cultivation method, meticulous adherence to the various phases of the padi planting is vital, while ample water resources are crucial.

"Our region's farmers are following a well-structured timeline to optimise yields and ensure efficient resource utilisation," he added.

At present, he said water resources are more than enough, with Peti Dam at 83.22% full, Muda Dam at 66.13% full and Ahning Reservoir almost at full capacity at 98.94%.

Mohd Haniff Darus, 36, a padi farmer in Kampung Sedaka, said, "Many other farmers are excited to try. It calls for well-coordinated planning and execution in all aspects of the padi planting such as seeding, watering, fertiliser application and even pest management."

"Everything must be done on time so that we can receive irrigation when the dams release water and deal with pests effectively. We are certain we can increase the supply of rice of the country and reduce rice imports," he said.

Johor receives extra supplies of local white rice

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: Johor has received an additional 80 tonnes of local white rice to overcome the supply problem in the state.

The supply is being handled by the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) and the Johor Farmers' Organisation Authority (LPP), said state agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip.

The Buloh Kasap assemblyman added that the supply will be delivered in stages until the end of this week.

"We are facing some challenges regarding the supply of rice in Johor. We are putting together a programme to help the people."

"As a measure, a total of 80 tonnes of local white rice will be supplied throughout the state through four collection centres in Johor Baru, Simpang Renggam, Batu Pahat and Tangkak."

"From there, the supplies will

be distributed throughout Johor; for example, the collection centre in Tangkak will distribute to Muar and Segamat, while Johor Baru will distribute to the southern part," he added.

Zahari said this after launching the state-level Madani farmers economy improvement course at the Johor LPP here yesterday.

He added that the state government is planning various other efforts to ensure that the local rice supply problem does not last, especially in this state.

There are 900 rice farmers in the state in 10 locations covering 2,254ha of padi fields, said Zahari.

He said the districts are Tangkak with an area of 842.97ha, Muar (364.2ha), Mersing (549.3ha), Batu Pahat (141.7ha) and Kuang (356.12ha).

"For the harvest season between 2021 and 2022, Johor produced 6,225 metric tonnes of rice, an increase of 30.1% compared to the previous year's harvest season."

"The state government remains focused on carrying out various initiatives to increase production," he added.

In an unrelated matter, Zahari said Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi will be tabling the state budget in November at Bangunan Sultan Ismail in Kota Iskandar.

He added that there will be many special announcements made by Onn Hafiz that will cater to everyone, including the Orang Asli community.

Vegetable prices set to soar during monsoon season

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The monsoon transition phase is expected to affect vegetable harvests, raising the possibility of higher prices in the coming months.

Federation of Vegetables Sellers Associations' president Lee Kha Shiuann said that with the monsoon transition phase expected to continue until November, the prices of vegetables will be on the "high" side due to the wet spell.

Among the local vegetables that will be affected are leafy greens like spinach and mustard leaves, he said.

He added that places like Cameron Highlands will see vege-

tables like tomatoes, Japanese cucumber and sawi (choy sum) impacted by the rain.

"It has been raining in several places and there is a slight shortage of supply."

"The wholesale price of tomatoes has increased. Two weeks ago, it was RM3 per kg, but now it has doubled to between RM6 and RM6.50," he said, describing it as a "huge increase".

"However, there is no shortage for now, except a slight 20% increase in prices for most vegetables compared to the previous two weeks," he added.

The Malaysian Meteorological Department had earlier indicated that during this monsoon transition phase, the country would

experience light winds from various directions, conducive to the occurrence of thunderstorms, typically accompanied by heavy rain and strong winds for short periods.

It said this phenomenon mainly occurs in the late afternoon and early evening in most areas of the west coast and inland regions of the peninsula, western Sabah, and the western and central parts of Sarawak.

The statement also said that such weather conditions could cause flash floods.

A check by *The Star* at the Taman Fun Sarawak market here showed that there was a slight price increase.

Trader Ramli Yusof, 63, said

that the price of certain vegetables, like spinach and torch ginger, had gone up.

A kilo of spinach had gone up to RM6.10 from RM5, while torch ginger now costs RM2 per piece, compared to RM1.50 before.

"Prices have increased over the past weekend. I source all the produce from a farm in Ayer Itam. There seems to be less stock, hence, the price increase."

"When the weather is bad, prices will go up. This is expected," he said, adding that Penang had been experiencing rainfall for the past few days.

Ramli, who has been in the business for decades, said those who get their vegetables from other states will not be affected.

Trader K. Segar, 56, said it is still business as usual as 60% of his vegetables come from Cameron Highlands.

"The weather has been bad in Penang, but it has been fine in Cameron Highlands. If they alert us that it is raining there, then we know prices will be raised."

"None of the vegetables I get locally has gone up in price over the past two weeks. Usually, the ones that increase are the leafy greens. I get local items like spinach, long beans, ladies' finger and red chilies from here," he said.

Segar, who has been in the business for 40 years, said the prices of spinach and mustard leaves would go up during the rainy season.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2023	NST	NEWS	6

ADDRESSING COST OF LIVING

RAHMAH DISCOUNTS FOR IMPORTED RICE

5kg pack to be sold for RM13 to RM14 in move to help B40 group, says deputy minister

MOHD NASARUDDIN PARZI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government has kicked off the Rahmah Rice Sales initiative by offering imported rice at lower than market prices to deserving groups.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said the ministry was providing subsidies for imported rice, which will go on sale for RM13 to RM14 per 5kg pack.

"During the Rahmah Sales initiative, local rice was sold at be-

tween RM13 and RM14 per 5kg pack. Hence, we are offering imported rice at around the same price," she said when officiating at the "Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward" seminar here yesterday.

She said the government was expanding the initiative to all 222 parliamentary constituencies.

She urged members of parliament and community leaders to implement such programmes in their respective areas.

"We hope every parliamentary constituency will implement this programme.

"Some MPs came to see me and said they wanted to use their allocations to add to the subsidy offered in the form of rice to vot-

ers in their constituencies."

She said the ministry allocated RM150 million for the Rahmah Sales initiative to help reduce the cost of living.

"The initial allocation was RM100 million, but the prime minister (Datuk Seri Anwar Ibrahim) added another RM50 million.

"We will give a discount, which is a subsidy from the government obtained from the earlier allocation."

She said the initiative would focus on the B40 group and low-cost housing areas, especially People's Housing Projects. The ministry, she said, would focus on affected consumers, and the Agriculture and Food Security Ministry would liaise with traders.



Fuziah Salleh